

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN [ KIMANIS ]**

**TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang mengembalikan kemudahan diskaun untuk pembayaran balik pinjaman PTPTN.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian masih mempertimbangkan pemberian diskaun bayaran balik pinjaman yang telah dihentikan pada tahun 2019. Sebarang cadangan berkaitan perancangan untuk memperkenalkan semula pemberian diskaun bayaran balik pinjaman memerlukan kajian lanjut mengenai implikasi serta kedudukan kewangan semasa Kerajaan, khususnya PTPTN.

Walaupun insentif diskaun bayaran balik pinjaman masih belum dilaksanakan pada masa ini, PTPTN sentiasa proaktif dalam melaksanakan dasar serta polisi bagi membantu meringankan bebanan bayaran balik peminjam.

Antara inisiatif terbaru yang sedang dilaksanakan adalah –

- a. Penangguhan bayaran balik pinjaman atau moratorium selama 6 bulan iaitu mulai April 2020 hingga September 2020 yang memberi

manfaat kepada hampir **1.5 juta peminjam** dengan jumlah kutipan yang ditangguhkan sebanyak **RM750 juta**; dan

- b. Penganjuran '*Virtual Mini Job Hunt for PTPTN Borrowers*' secara dalam talian dengan kerjasama PERKESO bagi membantu peminjam mendapatkan peluang pekerjaan, seterusnya berupaya membuat bayaran balik pinjaman mereka.

Sekian, terima kasih.